

## **PENENTUAN JENIS PERCERAIAN OLEH HAKAM DIKLASIFIKASIKAN KEPADA EMPAT IAITU**

- I. Sekiranya kesilapan itu berlaku di pihak suami, hakam-hakam boleh memutuskan perceraian di antara suami dan hakam bagi pihak suami boleh melafazkan talak.
  - II. Sebaliknya, jika kesilapan berada di sebelah isteri, hakam-hakam boleh memutuskan perceraian di antara suami dan isteri dengan mengenakan tebus talaq atau khulu'.
  - III. Sekiranya kesilapan itu datang dari kedua-dua belah pihak, hakam boleh memutuskan perceraian tanpa apa-apa bayaran, sama ada tebus talak atau khulu'.
  - IV. Sekiranya sebab-sebab kesilapan itu tidak diketahui dan kesilapan tidak dapat ditentukan hakam-hakam boleh memutuskan perceraian tanpa pembayaran tebus talak.

## **STATUS KEPUTUSAN HAKAM**

- I. Keputusan dua hakam adalah sah dan lulus apabila berlaku kesepakatan antara kedua-dua Hakam, sebaliknya jika berbeza pendapat dalam membuat keputusan, maka tidak boleh diambil mana-mana pendapat mereka berdua.
  - II. Perceraian yang dibuat oleh kedua-dua hakam adalah dikira talak ba'in sughra dan tidak boleh dirujuk semula.
  - III. Keputusan yang telah dikeluarkan oleh Hakam tidak boleh dirayu, ia bersifat muktamad dan mengikat pihak-pihak yang bertikai. Namun, andainya wujud kecacatan dari sudut prosiding sahaja, pihak-pihak boleh membuat semakan pada tahap mana ia dirasakan perlu.



# JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH SELANGOR

BANGUNAN MAHKAMAH SYARIAH SULTAN IDRIS SHAH,  
PERSIARAN MAS-JID, SEKSYEN 5.

PERAKAAN MASJID, GERSANG  
40000 SHAH ALAM, SELANGOR DARUL EHSAN.  
NO.TEL : 03-5510 1291, 03-5519 1294, 03-5519 1304, 03-5511 3708  
NO.FAKS : 03-5510 1075 (PEJABAT KETUA HAKIM SYARIE), 03-5512 606  
(BILIK KP), 03-5510 5620 (PENTADBIRAN), 03-5510 5620 (PENTADBIRAN)  
03-5510 5816 (PERUNDANGAN).

[www.iakess.gov.my](http://www.iakess.gov.my)



**JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH SELANGOR  
(JAKESS)  
'Syariah Asas Keadilan'**

## PENGERTIAN TAHKIM

Tahkim dari sudut etimologi bermaksud "memberi kuasa menjatuhkan hukuman kepada seseorang" atau "menjadikan (menyerahkan) hukuman pada sesuatu yang bagi engkau kepada orang lain" atau "pengambilan seseorang oleh dua orang yang bertikai dengan persetujuan keduanya, supaya orang itu menyelesaikan pertikaian dan dakwaan keduanya".

Manakala dari sudut terminologi bermaksud "satu proses di mana pihak-pihak yang bertikai melantik seseorang untuk menjadi hakam bagi menyelesaikan pertikaian yang timbul di antara mereka berlandaskan hukum Syara'".

Pelaksanaan Tahkim di dalam Mahkamah Syariah berlaku apabila individu lain yang diserahkan tugas oleh pihak-pihak atau diserahkan tugas oleh Mahkamah bagi menyelesaikan pertikaian dan persengketaan pihak-pihak dalam perkahwinan melalui Majlis Tahkim sama ada penyelesaian melalui cara perdamaian atau perceraian.

Orang yang dilantik oleh pihak-pihak bagi mengadili pertikaian tersebut dinamakan sebagai Hakam atau Muhakkam. Manakala majlis atau pertemuan yang diadakan itu dinamakan sebagai Majlis Tahkim.

## HAKAM

Hakam dikenali sebagai arbitrasi atau timbang tara dan boleh diertikan sebagai memberi kuasa menjatuhkan sesuatu hukuman kepada seseorang. Manakala dari sudut istilah iaitu satu proses di mana pihak-pihak yang bertikai melantik seseorang atau hakam bagi menyelesaikan pertikaian yang timbul di antara pihak-pihak berlandaskan hukum syarak.

## ASAS PERLAKSANAAN

Firman Allah s.w.t dalam surah an-Nisa' ayat 35 bermaksud "Dan jika kamu bimbangkan perpecahan di antara mereka berdua (suami isteri) maka lantiklah "orang tengah" (untuk mendamaikan mereka, iaitu),

seorang dari keluarga lelaki dan seorang dari keluarga perempuan. Jika kedua-dua "orang tengah" itu (dengan ikhlas) bertujuan hendak mendamaikan, nescaya Allah akan menjadikan kedua (suami isteri itu) berpaktak baik. Sesungguhnya Allah sentiasa mengetahui, lagi amat mendalam pengetahuanNya".

Imam al-Baihaqi dalam al-Sunan al-Kubra telah meriwayatkan bahawa : "Daripada Ubaidah al-Salami, beliau berkata: Telah datang kepada Ali k.w seorang lelaki dan seorang wanita (pasangan suami isteri) dan turut hadir setiap mereka jamaah masing-masing. Maka Ali memerintahkan mereka mengutus seorang hakam lelaki dari keluarga suami dan seorang lagi keluarga isteri, kemudian beliau berkata ; "Kamu berdua tahu apa tugas kamu? Tugas dan tanggungjawab kamu sekarang hendaklah satukan mereka kembali, jika kamu berpendapat mereka patut dipisahkan". Lalu wanita itu berkata: "saya redha dengan Kitab Allah apa sahaja hukuman yang dikenakan ke atas atau bagi saya, kemudian lelaki itu pula menjawab: "perceraian,tidak!", maka Ali terus berkata : "Kamu berdusta, Demi Allah sehingga kamu mengaku sepertimana yang diakui oleh dia (isterinya) itu."

## PENGERTIAN AL-SHIQAQ

Dari sudut terminologi Al-Shiqaq bermaksud perkelahian di antara suami dan isteri yang berlarutan sehingga menjelaskan kerukunan rumah tangga

## SABITAN AL-SHIQAQ

Sabitan al-shiqaq dibuat apabila berlaku salah satu daripada keadaan di bawah:

- I. Perkelahian yang kerap antara suami dan isteri itu sama ada oleh sebab nusyuz isteri, kezaliman suami, ketidaktentuan siapa yang benar antara kedua-duanya; atau salah satu pihak atau kedua-dua pihak berdusta atau menuntut yang bukan hak.

- II. Perkelahian yang kerap antara suami dan isteri sehingga menimbulkan kesukaran menjalankan tanggungjawab masing-masing dan saling tuduh menuduh tidak melaksanakan hak sebagai suami dan isteri;
- III. Suami atau isteri saling tuduh-menuduh antara keduanya mempunyai hubungan yang melampaui Hukum Syara' dengan perempuan atau lelaki lain;
- IV Perkelahian yang kerap hingga menyebabkan pukul-memukul;
- V. Salah seorang meninggalkan rumah kediaman, tidak tinggal bersama sedangkan punca sebenar tidak dapat dibuktikan oleh kedua-dua pihak di hadapan Mahkamah;
- VI. Suami atau isteri saling tuduh menuduh antara keduanya mengenai tanggungjawab masing-masing terhadap anak-anak sehingga berlaku pertikaian dan perkelahian yang kerap;
- VII. Jika didapati bahawa sebarang tuntutan oleh isteri untuk mendapatkan pembubaran perkahwinan tidak sabit dan ditolak oleh Mahkamah atas alasan dia tidak dapat membuktikan kebenarannya dan Mahkamah mendapati pertikaian itu masih lagi berterusan atau berulang antara suami isteri tersebut; atau
- VIII. Apa-apapun tindakan yang menyebabkan darar syarie ke atas isteri atau suami.

## PERUNTUKAN UNDANG - UNDANG

1. Seksyen 47 dan seksyen 48, Enakmen Undang – Undang Keluarga Islam (Negeri Selangor) 2003.
2. Kaedah –kaedah Hakam (Negeri Selangor) 2014.